



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 1 DISEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	AGRO TRADZT MAMPU KURANGKAN PERANAN ORANG TENGAH, BH -ONLINE E-DAGANG MAMPU STABILKAN HARGA PRODUK AGROMAKANAN, NASIONAL, SH -11 AGRO TRADZT MAMPU TURUNKAN HARGA PRODUK AGROMAKANAN, NASIONAL, BH -4 KEMENTERIAN, PENTERNAK ADAKAN PERTEMUAN HARI INI, NASIONAL, BH -3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5.	DAH BELA, TINGGAL PULA, LOKAL, HM -4	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
6.	BUANG SANGKAR HAPUS BUKTI, LOKAL, HM -11	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16.	'CONTOHI KERAJAAN SELANGOR', NASIONAL, SH -11 JUALAN KELUARGA MALAYSIA TAWAR HARGA 15-20% LEBIH MURAH, BH -ONLINE FARMERS ALSO CONCERNED ABOUT RISING PRICES, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4 TANAMAN HIDROPONIK JANA PENDAPATAN, LOKAL, HM -8 PENGGUNA PILIH AYAM BELUM CUKUP MATANG, DALAM NEGERI, UM -12 GUNA 'KUASA' BANDING HARGA, LOKAL, HM -19 72 NOTIS PENCATUAN HARGA SAYUR DI JOHOR, NEGARA, KOSMO -16 ISU HARGA MAKANAN HANGATKAN SESI PAGI, NASIONAL, BH -19 SAYUR DIJUAL BORONG TAK BANYAK BERUBAH, NEGERI P.PINANG, SH -25 HARGA NAIK: 72 NOTIS DIKELUARKAN KEPADA PENIAGA SAYUR, NEGERI JOHOR, SH -25	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/12/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Agro Tradzt mampu kurangkan peranan orang tengah



SERDANG: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yakin platform e-dagang Agroproduk Bersepadu, Agro Tradzt mampu menurunkan harga produk agromakanan, sekali gus menstabilkan pasaran tempatan.

Menterinya, Datuk Seri Ronald Kiandee, berkata ini kerana Agro Tradzt menampilkan model perniagaan penjualan secara

terus daripada pengeluar kepada entiti perniagaan atau pengguna pada kadar lebih rendah berbanding pasaran.

Beliau berkata, platform itu antara lain mampu mengurangkan kadar kebergantungan pengeluar kepada orang tengah bagi memasarkan produk, selain memastikan mereka mampu menikmati keuntungan pada tahap maksimum.

Selain itu, katanya, platform berkenaan akan memudahkan penjualan hasil perusahaan dilakukan petani, peladang dan penternak tanpa dimanipulasi orang tengah.

"MAFI menggalakkan pertumbuhan platform e-dagang seperti ini sesuai dengan aspirasi kementerian melalui Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

"Saya harap platform ini dapat diguna pakai semua pihak, terutama dalam kalangan petani, nelayan dan penternak untuk memasarkan hasil secara terus kepada pembeli, sama ada entiti perniagaan atau orang persendirian.

"Kita juga mahu platform e-dagang ini dapat terus bergerak seiring perubahan teknologi semasa dan kehendak kerajaan untuk mengurangkan peranan orang tengah dalam keseluruhan rantai nilai sektor agromakanan domestik," katanya ketika melancarkan Agro Tradzt di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah serta Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Sementara itu, Ronald berkata, Agrobazaar Online diuruskan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mencatatkan nilai jualan produk asas tani hampir RM4 juta, manakala hampir RM1 juta di kedai dalam talian Agrobazaar Malaysia di Shopee dan AirAsia Farm antara Januari 2020 hingga 31 Oktober lalu.

Katanya, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) melalui Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) turut melaksanakan inisiatif pemasaran secara digital melalui laman sesawang 'nekmabiz' serta media sosial dengan menawarkan perkhidmatan penghantaran pesanan terus ke rumah pengguna.

Melalui platform itu, beliau memaklumkan, LKIM mencatatkan nilai jualan hampir RM400,000 bagi tempoh September 2019 sehingga 31 Oktober lalu.

"Melalui kerjasama awam swasta sebegini, MAFI percaya ia dapat membantu mempercepatkan pengenalan inovasi digital, transformasi industri digital dan mewujudkan situasi menang-menang untuk semua pemegang taruh.

"Dalam hal ini, sudah tentu platform seumpama Agro Tradzt akan melengkapi usaha MAFI dalam terus mempertingkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan produk pertanian," katanya.

Beliau berkata, kerjasama strategik MAFI dan swasta akan terus diperkukuh bagi memastikan pencapaian kemajuan berterusan sektor pertanian dan industri makanan domestik yang akan menyumbang kepada peningkatan tahap sekuriti makanan negara secara keseluruhan.

"Langkah bersepadu dan holistik menerusi pendekatan 'whole of nation' sudah tentu akan memastikan sistem makanan negara kekal utuh sepanjang masa menghadapi sebarang ketidaktentuan," katanya mengajak pihak swasta dan penggiat industri untuk terus bersama-sama kerajaan dan mencipta teknologi sedemikian.

Katanya, teknologi seumpama itu pastinya akan dapat meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan rakyat.



Ronald Kiandee berucap pada Majlis Pelancaran Platform e-dagang Agro Tradzt, hari ini. - NSTP/ASYRAF HAMZAH

1/12/2021

SINAR
HARIAN

NASIONAL

11

'Contohi kerajaan Selangor'

Ketua Pembangkang itu persoalkan tindakan agensi kerajaan susulan kenaikan mendadak harga barang

Oleh HIDAYAH HAIROM

SHAH ALAM

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim mempersoalkan tindakan kerajaan yang dilihat masih gagal menyelesaikan krisis kenaikan harga barang dengan sebarang langkah drastik.

Menurutnya, agensi-agensi kerajaan yang berkaitan sepatutnya boleh memainkan peranan penting ketika ini, namun masih tidak nampak 'bayang'.

"Saya nak tanya, mana perginya agensi kerajaan Persekutuan yang sepatutnya melibatkan FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan), MARDI (Institut Penyelidikan dan



Anwar (kanan) bersama Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari (dua dari kiri) ketika meninjau Gerai Jualan Sayur Mega Anjuran PKPS Selangor di Wisma PKPS Seksyen 14, Shah Alam pada Selasa.

Kemajuan Pertanian Malaysia) dan sebagainya untuk turun ke bawah kurangkan beban, bawa produk dari ladang supaya petani dapat harga lebih baik dan dapat kurangkan harga barang kepada pengguna.

"Kerajaan perlu ambil tindakan segera kerana harga sayur, ikan, ayam, semuanya naik menggilu ketika ini.

"Saya bangkitkan perkara ini di Parlimen sebagai krisis nasional yang membebaskan rakyat," katanya ketika melakukan tinjauan di gerai jualan sayur

anjuran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) pada Selasa.

Anwar yang juga Ahli Parlimen Port Dickson berkata, inisiatif kerajaan Selangor menerusi PKPS yang menawarkan harga barangan lebih murah wajar dicontohi.

"Saya harap kerajaan negeri lain dan kerajaan Persekutuan ambil tindakan segera," katanya.

LAGI BERITA DI MUKA 25

E-dagang mampu stabilkan harga produk agromakanan

SERDANG - Platform e-dagang mampu menjadi medium menstabilkan dan menurunkan harga produk agromakanan di negara ini kerana penglibatan orang tengah dapat dikurangkan, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang.

"Dengan platform e-dagang, pengeluar dapat pasaran produk secara terus kepada pembeli dengan harga lebih rendah daripada harga pasaran, tanpa manipulasi orang tengah. "Kita memang mahu kurangkan penglibatan orang tengah supaya pengeluar dapat menaksimumkan pendapatan mereka," katanya kepada pemberita selepas melancarkan platform e-dagang agroprodukt, Agro Tradz di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di sini.

Menurutnya, bazar dalam talian kendalian Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Agrobazaar Online, mencatatkan jualan hampir RM4 juta bagi tempoh Januari 2020 hingga 31 Oktober lepas, manakala kedai dalam talian, Agrobazaar Malaysia, yang boleh dilayari di platform e-dagang Shopee dan AirAsia Farm pula mencatatkan jualan hampir RM1 juta dalam tempoh sama.

"Platform yang memasarkan produk segar ini menjadi norma baharu rakyat sejak Malaysia dilanda Covid-19," katanya. - *Bernama*

1/12/2021

BERITA
HARIAN

NASIONAL

4



Ronald melancarkan Platform e-Dagang Agroproduk Bersepadu Agro Tradzt di MARDI, Serdang, semalam. Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Smart Tradzt, CK Chung. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Agro Tradzt mampu turunkan harga produk agromakanan

Jualan secara terus daripada pengeluar kepada entiti perniagaan, pengguna

Oleh Muhammad Yasri
Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Serdang: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yakin platform e-dagang Agro Tradzt mampu menurunkan harga produk agromakanan di negara ini. Menteri, Datuk Seri Ronald Klandee, berkata Agro Tradzt menampilkan model perniagaan penjualan secara terus daripada pengeluar kepada entiti perniagaan atau pengguna pada kadar lebih rendah, sekali gus menstabilkan pasaran tempatan.

Platform itu juga, katanya, mampu mengurangkan kadar bergantung pengeluar kepada orang tengah bagi memasarkan produk dan memastikan mereka mampu menikmati keuntungan maksimum, selain memudahkan penjualan hasil perusahaan di kalangan petani, peladang dan peternak tanpa dimanipulasi orang tengah.

"MAFI menggalakkan pertum-

buhan platform e-dagang seperti ini, sesuai dengan aspirasi kementerian melalui Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

"Saya harap platform ini dapat diguna pakai semua pihak, terutama petani, nelayan dan peternak untuk memasarkan hasil secara terus kepada pembeli, sama ada entiti perniagaan atau orang persendirian.

"Kita juga mahu platform e-dagang ini dapat terus bergerak seiring perubahan teknologi semasa dan kehendak kerajaan untuk mengurangkan peranan orang tengah dalam keseluruhan rantaian nilai sektor agromakanan domestik," katanya ketika melancarkan Agro Tradzt di sini, semalam.

Sementara itu, Ronald berkata, Agrobazaar Online diuruskan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mencatatkan nilai jualan produk asas tani hampir RM4 juta, manakala hampir RM1 juta di kedai dalam talian Agrobazaar Malaysia di Shopee dan AirAsia Farm antara Januari 2020 hingga 31 Oktober lalu.

Katanya, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) melalui Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) turut melaksanakan inisiatif pemasaran secara digital melalui laman sesawang 'nekmatbiz' serta media sosial dengan menawarkan perkhidmatan penghantaran pesanan terus ke rumah pengguna.

Melalui platform itu, beliau me-

maklumkan, LKIM mencatatkan nilai jualan hampir RM400,000 bagi tempoh September 2019 sehingga 31 Oktober lalu.

"Melalui kerjasama awam swasta sebegini, MAFI percaya ia dapat membantu mempercepatkan pengenalan inovasi digital, transformasi industri digital dan mewujudkan situasi menang-menang untuk semua pemegang taruh.

"Dalam hal ini, sudah tentu platform seumpama Agro Tradzt akan melengkapi usaha MAFI dalam terus mempertingkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan produk pertanian," katanya.

Beliau berkata, kerjasama strategik MAFI dan swasta akan terus diperkukuh bagi memastikan pencapaian kemajuan berterusan sektor pertanian dan industri makanan domestik yang akan menyumbang kepada peningkatan tahap sekuriti makanan negara secara keseluruhan.

"Langkah bersepadu dan holistik menerusi pendekatan *whole of nation* sudah tentu akan memastikan sistem makanan negara kekal utuh sepanjang masa menghadapi sebarang ketidak-tentuan," katanya mengajak pihak swasta dan penggiat industri untuk terus bersama-sama kerajaan dan mencipta teknologi sedemikian.

Katanya, teknologi seumpama itu pastinya akan dapat meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan rakyat.

1/12/2021

BERITA
NASIONAL

3

HARIAN

Kementerian, penternak adakan pertemuan hari ini

Dari Muka 1

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob turut mengumumkan peruntukan RM262 juta bagi membantu peladang yang terjejas susulan kenaikan harga baja dan racun.

"Daripada jumlah itu, RM200 juta disediakan sebagai pinjaman agromakanan pada kadar sifar faedah dengan moratorium bayaran balik selama enam bulan melalui Agrobank dan Tabung Ekonomi Kumpulan Urus Niaga (TEKUN Nasional) untuk manfaat pengeluaran agromakanan bagi menangani kos pengeluaran yang tinggi pada peringkat ladang," katanya.

Menjawab soalan tambahan Ahmad Fadhli Shaari (PAS-Pasir Mas), Alexander berkata, KPDPNHEP sedia memperimbangkan untuk melaksanakan Jualan Ke-100 Malaysia dengan lebih kerap.

Harga barangan keperluan asas mulai naik sejak bulan lalu yang dikaitkan dengan cuaca, banjir, kenaikan harga racun dan baja serta kekurangan pekerja.

Antara sayur-sayuran yang dilaporkan mengalami kenaikan harga ialah kubis bunga daripada RM7 kepada RM16 sekilogram, sawi pendek RM3 kepada RM9, brokoli RM8 kepada RM20, sawi RM5 kepada RM8, kacang buncis RM8 kepada RM15, kubis RM4 kepada RM6, cili merah RM13 kepada

RM19 dan cili hijau RM10 kepada RM14.

Isu kenaikan harga makanan turut menghangatkan sesi Dewan Rakyat pagi semalam, apabila beberapa ahli Parlimen membangkitkan menggesa kerajaan mengambil tindakan serta-merta dalam usaha mengawal kenaikan.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang bangun mencelah ketika Alexander selesai menjawab persoalan dibangkitkan Guan Eng, menyifatkan trend kenaikan mendadak harga bekalan makanan itu sebagai 'krisis nasional'.

Alexander menjelaskan pihaknya bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa memantau rantai bekalan makanan termasuk bagi mengenal pasti punca kenaikan harga makanan khususnya sayuran dan haiwan ternakan.

"Sebab itu kita buat libat urus dan esok (hari ini), penternak akan jumpa dengan saya dan bawakan mereka boleh bantu kita. Sebelum ini mereka mohon kepada kerajaan bukan beri subsidi makanan ayam, tetapi bawakan kos operasi bukan hanya makanan ayam, tetapi buruh.

"Jadi, kita sediakan pinjaman mudah supaya mereka dapat kurangkan kos operasi. Selepas ini, kita akan letakkan satu harga had maksimum pada peringkat pengeluaran, borong dan runcit," katanya.



KPDNHEP dan MAFI sentiasa memantau rantai bekalan makanan termasuk bagi mengenal pasti punca kenaikan harga makanan khususnya sayuran dan haiwan ternakan. (Foto hiasan)

Menjawab soalan asal Guan Eng, Alexander berkata, MAFI juga sedang merangka strategi hasil perbincangan dua hala bersama industri, termasuk cadangan membenarkan pengimportan ayam bulat dari loji pemrosesan luar negara yang mendapat pengesahan Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebagai langkah sementara bagi meningkatkan bekalan dan menstabilkan harga pasaran.

Beliau berkata, kenaikan harga sayur keluaran tempatan disebabkan berlaku di beberapa tempat dan berpunca daripada faktor cuaca, logistik serta peningkatan kos baja dan racun.

Selain itu, cabaran cuaca seperti hujan lebat, banjir dan tanah runtuh di Cameron Highlands serta kawasan tanaman sayur sekitarnya turut menjelas-kan rantai pengedaran, terutama sayur-sayuran dari tanah tinggi itu.

cuba mengambil kesempatan menaikkan harga kerana kenyataan awal saya ini," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, MAFI yakin platform e-Datang Agroproduk Bersepadu, Agro Tradz yang dilancarkan malam, mampu menurunkan harga produk agromakanan, sekali gus menstabilkan pasaran tempatan.

Menterinya, Datuk Seri Ronald Khandee, berkata Agro Tradz akan menampilkan model perniagaan penjualan secara terus daripada pengeluaran kepada entiti perniagaan atau pengguna pada kadar lebih rendah berbanding pasaran, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah.

Dah bela, tinggal pula

JPV Pulau Pinang terima 15 aduan abai, dera kucing dan anjing

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Balik Pulau

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Pulau Pinang menerima sekurang-kurangnya 15 aduan mengenai pengabaian dan penderaan haiwan di negeri ini dalam tempoh sebulan.

Kebanyakan aduan diterima membabitkan pengabaian dan penderaan terhadap kucing serta anjing.

Pengarahnya, Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata, jumlah itu menunjukkan perkembangan membimbangkan dan orang ramai boleh membuat aduan kepada JPV terdekat atau menerusi laman web rasmi, jika mempunyai maklumat mengenai pengabaian serta penderaan haiwan.

"Kebanyakan kes membabitkan haiwan ditinggal atau dibiarkan pemilik selain terdapat laporan haiwan peliharaan divederakan.

"Kami bersama pegawai daripada bahagian penguatkuasaan akan turun padang melakukan siasatan sejeurus menerima aduan."

"Orang ramai boleh membuat laporan kepada pihak veterinar supaya boleh di-

ambil tindakan lanjut mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 722)," katanya ditemui pada Program Membantu Kucing Terbiar/Jalanan di Cat Beach Sanctuary, Jalan Teluk Awak, Teluk Bahang di sini, semalam.

Program itu adalah projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) antara JPV negeri dengan Kelab Kucing Malaysia dan Persatuan

Suara Animal Malaysia.

Saira Banu berkata, daripada lebih 300 kucing jalanan dan terbiar diselamatkan di tempat perlindungan itu, sebanyak 100 daripadanya menerima tajaan suntikan vaksin bagi mencegah pelbagai penyakit membabitkan pernafasan, penyakit dalaman dan parvo.

"Kami turut menyumbangkan ubat lain bagi kesihatan kucing di sini seperti ubat cacing untuk kegunaan luka dan jangkitan pada kuku.

"Ia sebahagian daripada kempen kesedaran supaya tidak mengabaikan penjagaan dan kesihatan kucing," katanya.

Sementara itu, Presiden Kelab Kucing Malaysia, Khalid Rashid berkata, pihaknya mengalu-alukan sumbangan orang ramai bagi menaik taraf tempat perlindungan kucing itu.



JPV Pulau Pinang memberi suntikan vaksin kucing pada projek CSR membantu kucing jalanan di Cat Beach Sanctuary, Teluk Bahang.



1/12/2021

HARIAN
METRO

LOKAL

11

Buang sangkar hapus bukti

APMM tahan tujuh nelayan selepas didapati melakukan aktiviti penangkapan siput retak seribu

Oleh Aizat Sharif
an@hmetro.com.my

Kangar

Ageni Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Perlis menahan tujuh nelayan selepas didapati melakukan aktiviti penangkapan siput jenis retak seribu di sekitar perairan Kuala Perlis, di sini, kelmarin.

Pengarah APMM Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd Shafie Paing berkata, nelayan itu ditahan antara jam 5:30 petang hingga 5:45 petang di kedudukan 2.9 batu nautika barat daya Kuala Perlis.

"Hasil maklumat orang awam, anggota APMM yang melakukan rondaan rutin Op Aman mengesan tiga bot gentian kaca tanpa nombor pendaftaran berada dalam keadaan mencurigakan di sekitar perairan Kuala Perlis.

"Anggota menahan bot



PENANGKAPAN siput di perairan Kuala Perlis adalah satu kesalahan kerana Jabatan Perikanan Negeri Perlis tidak pernah mengeluarkan sebarang lesen bagi aktiviti berkenaan.

berpangkalan di Kuala Perlis itu dan memeriksa tiga tongkong serta empat kru bot berusia antara 22 hingga 66 tahun," katanya.

Beliau berkata, pihaknya

merampas satu set sangkar besi berupa tangkuk siput dianggarkan bernilai RM500 serta hasil laut siput retak seribu seberat 550 kilogram.

Menurutnya, mereka disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 Seksyen 8 (a) kerana mengendalikannya tanpa lesen sah.

Katanya, selain itu, mereka didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 11 (3) (c) kerana memasang atau menyebabkan dipasang apa-apa belat ikan, peralatan menangkap ikan atau peranti mengumpulkan ikan tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia sebelum suatu lesen berkenaan dengannya dikeluarkan.

"Berdasarkan siasatan awal, modus operandi nelayan terbabit kegiatan penangkapan siput retak seribu adalah menggunakan bot fiber dengan enjin sangkut bergalah atau dipanggil enjin ekor biawak.

"Malah, kami mendapati, kru dua bot itu membuang sangkar besi berupa tangkuk siput itu ke dalam laut bagi menghapuskan bukti terhadap kegiatan dilakukan mereka.

"Aktiviti penangkapan siput di perairan Kuala Perlis adalah satu kesalahan kerana Jabatan Perikanan Negeri Perlis tidak pernah me-

ngeluarkan sebarang lesen bagi aktiviti berkenaan," katanya.

Beliau berkata, aktiviti itu boleh menyebabkan habitat ekosistem marin terjejas dalam jangka masa panjang, mengancam pembiakan, memusnahkan benih ikan di dasar laut serta turut menjejaskan sumber pendapatan nelayan pesisir pantai.

Menurutnya, lesen atau permit untuk aktiviti itu harus dikeluarkan di Kedah bukannya di Perlis dan nelayan negeri itu hanya dibenarkan menjalankan aktiviti berkenaan di perairan di negeri itu sahaja.

"Rentetan aktiviti haram itu, nelayan pesisir pantai di Perlis terpaksa menanggung kerugian apabila pukat mereka rosak dan koyak kerana tersangkut dengan kulit siput mati.

"Anggaran keseluruhan rampasan termasuk tiga bot, enjin, sangkar besi dan siput retak seribu adalah sekitar RM22,830," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/12/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Jualan Keluarga Malaysia tawar harga 15-20% lebih murah



KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan melaksanakan Program Jualan Keluarga Malaysia bermula Sabtu ini, dengan menawarkan harga jualan barangan keperluan asas pengguna 15 hingga 20 peratus lebih murah berbanding harga pasaran.

Menterinya, Datuk Seri Alaxander Nanta Linggi, berkata program jualan ini akan dilaksanakan di seluruh negara membabitkan 222 kawasan Parlimen dengan kekerapan dua kali sebulan.

"Kerajaan akan memastikan harga jualan barangan yang ditawarkan adalah 15 hingga 20 peratus lebih murah berbanding harga pasaran.

"Kementerian sudah mendapat kerjasama agensi dan jabatan kerajaan lain bagi memastikan jualan barangan keperluan asas pengguna ini sampai kepada Keluarga Malaysia yang terkesan dengan kenaikan harga barangan ini," katanya menjawab soalan Lim Guan Eng (PH-Bagan) pada sesi pertanyaan menteri di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob turut mengumumkan peruntukan bantuan berjumlah RM262 juta bagi membantu peladang yang terjejas susulan kenaikan harga baja dan racun.

"Daripada jumlah itu, sebanyak RM200 juta disediakan sebagai pinjaman agromakanan pada kadar sifar faedah dengan moratorium bayaran balik selama enam bulan melalui Agrobank dan Tabung Ekonomi Kumpulan Urus Niaga (TEKUN Nasional) untuk manfaat pengeluar agromakanan bagi menangani kos pengeluaran yang tinggi di peringkat ladang," katanya.

Menjawab soalan tambahan Ahmad Fadhli Shaari (PAS-Pasir Mas), beliau berkata, KPDNHEP sedia mempertimbangkan untuk melaksanakan Jualan Keluarga Malaysia dengan lebih kerap.

Dalam pada itu, katanya, pihaknya bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa memantau rantai bekalan makanan termasuk bagi mengenal pasti punca kenaikan harga makanan khususnya sayuran dan haiwan ternakan di pasaran ketika ini.

"Sebab itu kita buat libat urus dan esok, penternak akan jumpa dengan saya dan bagaimana mereka boleh bantu kita. Sebelum ini mereka mohon kepada kerajaan bukan beri subsidi makanan ayam, tetapi babitkan kos operasi bukan hanya makanan ayam, tetapi buruh.

"Jadi, daripada permintaan mereka itu, kita sediakan pinjaman mudah supaya mereka dapat kurangkan kos operasi. Selepas ini, kita akan letakkan satu harga had maksimum, di peringkat pengeluaran, borong dan runcit.

"Jangan risau, biarpun saya baru di kementerian ini, perkara ini sudah lama berlaku dan pegawai kita sangat memahami masalah ini," katanya.

Menjawab soalan asal Guan Eng, Alaxander berkata, MAFI juga sedang merangka strategi hasil perbincangan dua hala bersama industri, termasuk cadangan membenarkan pengimportan ayam

bulat dari loji pemprosesan luar negara yang mendapat pengesahan Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebagai langkah sementara bagi meningkatkan bekalan dan menstabilkan harga pasaran.

Beliau berkata, kementerian akan memanjangkan tempoh dan memulakan pelaksanaan Skim Kawalan Harga Maksimum Musim Perayaan (SKHMP) lebih awal menjelang Krismas, dengan tarikh pelaksanaannya akan diumumkan oleh pihak KPDNHEP dalam tempoh terdekat.

"Saya ingin memberikan amaran di sini, tiada pihak yang cuba untuk menaikkan harga lebih awal. Kementerian tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas mereka yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga kerana kenyataan awal saya ini," katanya.



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alaxander Nanta Linggi,



Farmers have attributed the recent hikes in vegetable prices to middlemen.
— MASRY CHE ANI/THESUN

Farmers also concerned about rising prices

BUTTERWORTH: It is not just consumers who are concerned about rising vegetable prices. Farmers are also worried, and some claim middlemen are contributing to the problem.

Sawi and corn grower Maharam Mohd Tahir, 58, is puzzled how the price of vegetables like cauliflower, *kangkung* and chillies could increase by more than 50% when farmers like him are selling to wholesalers at low prices.

"We sell our *sawi* for RM1.30 per kg but in the market, it is sold at RM6 to RM7 per kg. So the question is, who is controlling the rising prices? Maybe it is the middleman or trader," he said yesterday.

Maharam, who runs a 6ha farm with a friend, said the surging prices are not profiting farmers because they still have to bear the rising costs of fertiliser and pesticides, in addition to salaries.

"Fertiliser and pesticide prices have increased. Imported fertiliser used to cost about RM110 for 50kg. Now, it has

hit RM160.

"The current increase in vegetable prices isn't bringing profit to farmers. Usually, the middleman plays a big role in this situation."

Teow Chun Tong, 47, who has been growing *sawi*, *kangkung* and *bayam merah* for 10 years, said the price hike is impacting farmers and consumers.

"We farmers will face losses when crops fail due to the weather. It is beyond our control.

"The continuous (rainy) weather will certainly affect our fertilised plants, eating away at our capital. So, there is a slight increase in price, but not an exorbitant amount like in the market."

Teow added that everybody has a part to play in controlling the price of vegetables since the economy is still recovering and people are trying to deal with the rising cost of living.

"If possible, all of us, including middlemen, should avoid raising prices too much on the excuse of weather,

transportation cost etc.

"Farmers are more affected by the costs that must be borne, but we still give them (wholesalers) a low price. Don't go overboard (on the price)."

Recently, the Consumers Association of Penang urged the authorities to monitor the situation closely, following complaints about drastically high prices, with cauliflower reportedly costing RM16 per kg (up from RM7), *bok choy* at RM9 (up from RM3), broccoli at RM20 (up from RM8), *sawi* at RM8 (up from RM5), green beans at RM15 (up from RM8), cabbage at RM6 (up from RM4), red chillies at RM19 (up from RM13) and green chillies at RM14 (up from RM10).

Penang Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry director Mohd Ridzuan Ab Ghapar said in a statement that the enforcement division has conducted checks and served vegetable importers and wholesalers.
— Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/12/2021	HARIAN METRO	LOKAL	8

Tanaman hidroponik jana pendapatan

Melaka: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama hampir dua tahun mendorong bekas graduan universiti terbabit dengan tanaman hidroponik dan fumigasi bagi menjana pendapatan.

Menyedari tiada pekerjaan yang boleh dilakukan mendorong Amirul Fahmi Alias, 31, menyewa suku ekar tanah untuk mengusahakan tanaman sayur.

Menurutnya, idea berkenaan timbul selepas dia berbincang dengan Farid Akmal Fadzli, 30, yang juga rakan sekelas ketika mengikuti pengajian ijazah pengurusan teknologi di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM) untuk aktif dalam bidang pertanian berkenaan.

Katanya, rakannya itu pada awalnya bekerja namun PKP menyebabkan pendapatan tidak menentu mendorong mereka berpakat untuk mengusahakan tanaman di Kampung Bukit Pulau di sini.

“Kami mempelajari teknik penanaman menerusi YouTube dan rujukan online serta nasihat daripada petani lain. Antara tanaman termasuk timun dan terung bagi hidroponik dan salad serta sawi (fumigasi),” katanya.



AMIRUL Fahmi menunjukkan tanaman hidroponiknya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/12/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Pengguna pilih ayam belum cukup matang

GEORGETOWN: Pengguna di negeri ini tetap memilih dan kekal membeli ayam belum cukup matang bersaiz kurang satu kilogram (kg) atas faktor kos sara hidup yang memaksa selain selagi tidak mendatangkan kemudaratannya.

Rata-rata mereka yang ditemui di sini semalam mengatakan keperluan bekalan ayam bersaiz kecil daripada tapak tangan lelaki dewasa kini menjadi menjadi buruan para pengguna di beberapa pasar raya negeri ini.

Ini berikutan harganya yang lebih murah dan mampu beli iaitu serendah RM8 seekor selain kualiti serta kesegarannya sama dengan ayam cukup matang.

Difahamkan, trend membeli ayam belum cukup matang semakin meningkat dalam kalangan pengguna terutama kategori B40.

Seorang pengguna, Noorbi Ahmad, 64, berkata, pembelian ayam belum cukup matang bersaiz kurang 800 gram (g) kini menjadi pilihannya sejak kebelakangan ini.

Menurut ibu kepada tiga cahaya mata itu, bekalan ayam dengan saiz yang kecil menjadi keperluan utama keluarganya demi meneruskan kelangsungan hidup.

"Keadaan ekonomi kini sehingga berlaku kenaikan 100 peratus harga bahan mentah telah memaksa kami memilih barangan keperluan yang serba murah tetapi masih berkualiti.

"Membeli ayam bersaiz kecil biarpun diketahui belum cukup matang menjadi keutamaan dan diangap paling relevan dengan kos sara hidup ketika ini.

"Selagi daging (ayam) itu halal dan tidak mendatangkan kesihatan, selagi itu kami akan terus membeli dan menjadikan sebagai hidangan utama keluarga," katanya di sini semalam.

Sementara itu, seorang lagi pengguna yang juga peniaga nasi lemak, Norita Ismail, 53, memberitahu, situasi kini memaksa rakyat memilih barangan keperluan dengan harga paling minimum.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/12/2021	HARIAN METRO	LOKAL	19



AZMAN (dua dari kiri) memeriksa senarai harga di sebuah restoran ikan bakar menerusi Op Menu oleh KPDNHEP. - Gambar NSTP/FATHIL ASRI

Guna 'kuasa' banding harga

Elak dimanipulasi peniaga tak bertanggungjawab

Oleh Muhammad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Bangi

Orang ramai dinasihatkan menggunakan kuasa mereka sebagai pengguna dengan membuat perbandingan harga dan memilih premis yang meletakkan tanda harga secara jelas.

Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, kuasa pengguna adalah langkah pencegahan terbaik bagi mengelak terkeliru atau dimanipulasi peniaga tidak bertanggungjawab.

Menurutnya, pihaknya mengambil maklum berhu-

bung isu kenaikan harga barang yang dilaporkan di media arus perdana dan media sosial sejak kebela-kangan ini.

"KPDNHEP sentiasa melakukan penguatkuasaan dan pemeriksaan untuk menangani isu kenaikan harga barang yang dilaporkan melalui pelbagai pendekatan berterusan serta agresif antaranya melalui pelaksanaan Op Menu di seluruh negara.

"Pelaksanaan Op Menu ini bertujuan memantau dan menangani isu harga makanan bermasakan mulai 6 November lalu," katanya selepas Op Menu di beberapa restoran ikan bakar di sini, malam kelmarin.

Azman berkata, dalam operasi setakat petang kelmarin, sebanyak 3,770 pemeriksaan dilaksanakan

dengan 27 tindakan diambil ke atas peniaga yang melakukan kesalahan.

"KPDNHEP juga akan terus melaksanakan sesi libat urus bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) serta agensi di bawahnya selain pemain industri berkaitan untuk mencari kaedah terbaik bagi menyekat kenaikan harga mendadak di pasaran.

"Kami akan menggunakan perundangan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 serta mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana peniaga yang mengambil kesempatan dalam situasi semasa apabila mengambil keuntungan secara tidak munasabah hingga menyebabkan kenaikan harga melampau," katanya.

Kedai diperiksa, siasat isu kenaikan harga

72 notis pencatutan harga sayur di Johor

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

JOHOR BAHRU – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor mengeluarkan sebanyak 72 notis di bawah Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 kepada peniaga yang menjual sayuran.

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Dr. Chong Fat Full berkata, notis dikeluarkan bagi tujuan siasatan lanjut mendapatkan maklumat kenaikan harga yang berlaku.

Tambahnya, hasil siasatan lanjut yang dijalankan akan dapat mengesan sekiranya wujud sebarang elemen pencatutan.

"Hasil pemeriksaan Op Pasar sejak Januari hingga 26 November lalu, sebanyak 72 notis telah



KERATAN Kosmo/24 November 2021.

dikeluarkan khususnya kepada peniaga yang menjual sayuran seperti tomato, lobak, kubis bulat, cili merah dan sebagainya.

"Op Pasar ini untuk pantau kenaikan harga barangan keperluan seperti sayur-sayuran, ikan, daging, ayam dan sebagainya di peringkat pembekalan barang secara berterusan mengikut rantai pengedaran.

"Pemeriksaan akan dibuat dengan periksa maklumat harga dan kos barangan di peringkat pembekalan barangan yang terdiri daripada peruncit (pasar basah, pasar awam dan pasaraya) dan pembekal (pemborong, peladang, pengeluar, pengimport) agar tidak naik harga sewenang-wenangnya," katanya dalam kenyataan semalam.

Berdasarkan rekod, sebanyak 6,854 premis telah diperiksa meliputi 5,257 peruncit, 1,120 pemborong dan 477 pengilang di seluruh negeri ini sejak tempoh peralihan ke Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara pada 8 Oktober lalu.

Fat Full berkata, pihaknya mengambil maklum berkenaan aduan berkaitan harga beberapa jenis barangan keperluan yang didakwa naik sejak kebenaran rentas negeri Oktober lalu.



BEBERAPA barang basah termasuk sayur-sayuran dikesan naik harga sejak Oktober lalu. – GAMBAR HIASAN

1/12/2021

BERITA
HARIAN

NASIONAL

19

Sidang Dewan Rakyat

Isu harga makanan hangatkan sesi pagi

**Pembangkang
gesa tindakan
serta-merta
kawal kenaikan**

Uthir Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Isu kenaikan harga makanan, khususnya sayur-sayuran dan ayam menghangatkan sesi Dewan Rakyat pagi semalam, dengan Ahli Parlimen pembangkang menggesa kerajaan mengambil tindakan serta-merta dalam usaha mengawal kenaikan ketika ini.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang bangun mencelah ketika Menteri Perda-

gan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi selesai menjawab persoalan dibangkitkan Lim Guan Eng (PH-Bagan), menyifatkan trend kenaikan mendadak harga bekalan makanan itu sebagai 'krisis nasional'.

"Ini keceemasan. Rakyat semua tunggu kita (mahu buat apa), bukan sekadar mahu dengar perancangan sahaja. Kita mahu ini diselesaikan. Sekarang mesti ada satu langkah tindakan segera."

"Speaker kena beri kelonggaran ini (untuk Ahli Parlimen ber-bahas), kita bukan mahu tahu apa langkah, bukan sahaja yang dibuat oleh kementerian terbit, tetapi kerajaan hari ini," katanya yang juga Ahli Parlimen Port Dickson.

Pertikalan mengenai isu berkenaan bermula selepas Alexan-

der memberi amaran, tindakan akan diambil oleh agensi penguatkuasa KPDNHEP terhadap mana-mana pihak yang sengaja menaikkan harga jualannya.

Namun, jawapan diberi itu membangkitkan rasa kurang senang Guan Eng, yang menyifatkan kenyataan itu sebagai langkah tidak adil kementerian khususnya kepada peniaga, yang turut terbeban dengan kenaikan kos dari perolehan bekalan perniagaannya.

"Sekarang jangan hanya salahkan peniaga kerana mereka adalah mangsa juga. Saya rasa kalau pendekatan ini (digunakan) untuk peniaga, itu salah... 100 kali salah."

"Saya harap perlunya ada dana khusus untuk perbanyakan pembekalan supaya kita dapat bantu petani, peladang dan peniaga, supaya mereka dapat ku-



Alexander menjawab soalan di Parlimen, semalam.

(Foto BERNAMA)

rangkan kos logistik, inilah puncanya (naik harga)," katanya.

Alexander kemudiannya menjelaskan KPDNHEP serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sudah menyusun beberapa langkah segera untuk menangani trend kenaikan harga bekalan makanan ketika ini.

"Sebab itu saya sudah sebutkan langkahnya awal tadi, mulai 4 Disember ini, kita akan mulakan Jualan Keluarga Malaysia untuk sekurang-kurangnya dapat meredakan secepat mungkin (isu kenaikan harga bekalan makanan) dan yang lain kita akan buat juga."

"Saya juga sebut MAFI pun akan buat sesuatu langkah intervensi yang drastik. Saya juga mahu jelaskan, isu ini seba-

giannya di luar dari (bidang kuasa) KPDNHEP, jadi saya minta kerjasama semua untuk bersikap lebih adil," katanya.

Terdahulu, dalam jawapan kepada soalan asal Guan Eng, beliau mengumumkan Program Jualan Keluarga Malaysia bermula Sabtu ini di 222 kawasan Parlimen seluruh negara, menawarkan harga jualan 15 hingga 20 peratus lebih murah daripada harga pasaran, dengan kekerapan dua kali sebulan.

Selain itu, beliau memberitahu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob juga sudah mengumumkan peruntukan bantuan berjumlah RM262 juta bagi membantu peladang yang terjejas susulan kenaikan harga baja dan racun.

Sayur dijual borong tak banyak berubah

Pekebun dakwa ada pihak tertentu ambil kesempatan naikan harga sayur sedangkan pekebun jual harga biasa kepada pemborong

BUTTERWORTH

Beberapa pekebun di sini mendakwa ada pihak tertentu yang mengambil kesempatan menaikkan harga sayur sehingga harganya melambung tinggi ketika ini sedangkan pekebun menjualnya pada harga biasa sahaja kepada pemborong atau orang tengah.

Pekebun sawi, Maharam Mohd Tahir, 58, berkata, meskipun harga sayur seperti sawi, kubis bunga, kangkung, cili merah dan cili hijau meningkat melebihi

50 peratus, pihaknya masih menjual pada harga yang rendah kepada pemborong.

"Bayangkan kami jual sawi pada harga RM1.30 sekilogram, tapi harga di pasaran boleh cecah RM6 hingga RM7. Jadi persoalannya, harga yang melambung itu siapa yang kawal?" katanya ketika ditemui Bernama di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuda di sini pada Selasa.

Dia yang mengusahakan ladang sawi dan jagung seluas enam hektar bersama rakannya, Asmida Mohamad berkata, kenaikan harga sayur secara mendadak itu sebenarnya tidak memberi keuntungan kepada pihak pekebun kerana segala kos pengeluaran seperti baja, racun dan gaji pekerja tetap ditanggung oleh mereka.

Sementara itu, Teow Chun Tong, 47, berkata, sebagai pekebun yang mengusahakan sayur sawi bunga, kangkung dan bayam merah sejak 10 tahun lepas, be-



Maharam menunjukkan sayur sawi yang dihasilkan di ladangnya di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuda pada Selasa.

liau juga berhadapan kerugian seperti tanaman tidak menjadi disebabkan faktor cuaca.

"Kita tidak mampu kawal situasi itu, apabila hujan berterusan sudah tentu ia menjejaskan tanaman yang disemai, ditambah lagi dengan kos baja, jadi memang ada sedikit kenaikan harga

sayur tapi tidaklah keterlaluan seperti di pasaran sekarang," katanya.

Beliau berkata, setiap pihak termasuk pemborong, harus memainkan peranan dalam mengawal harga sayur di pasaran lebih-lebih lagi dalam situasi pandemik Covid-19 yang me-

nyebabkan ramai rakyat terkesan.

"Sebenarnya golongan pekebun yang lebih terkesan dari segi pelbagai kos yang perlu ditanggung, tetapi kami masih menawarkan harga berpatutan kepada mereka (pemborong). Berpada-pada,lah," katanya.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dalam satu kenyataan baru-baru ini menggesa pihak berkuasa melakukan pemantauan berikutan terdapat aduan pengguna mengenai kenaikan harga sayur secara mendadak di pasaran.

Antara sayur yang dikatakan mengalami kenaikan harga ialah kubis bunga daripada RM7 kepada RM16 sekilogram, sawi pendek RM3 kepada RM9, brokoli RM8 kepada RM20, sawi RM5 kepada RM8, kacang buncis RM8 kepada RM15, kubis RM4 kepada RM6, cili merah RM13 kepada RM19, dan cili hijau RM10 kepada RM14. - Bernama

Harga naik: 72 notis dikeluarkan kepada peniaga sayur

JOHOR BAHRU - Sebanyak 72 notis dikeluarkan kepada peniaga sayur-sayuran di beberapa premis sekitar bandar raya ini kerana disyaki menjual barangan keperluan itu dengan harga yang mahal.

Exco Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna, Chong Fat Full berkata, kesemua peniaga itu dikesan menerusi operasi khas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri ini sejak Januari lalu.

"Hasil pemeriksaan operasi ini sejak Januari lalu, sebanyak 72 notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 telah dikeluarkan kepada peniaga sayur bagi membantu siasatan.

"Selain itu 10 aduan yang diterima KPDNHEP Johor berkaitan kenaikan harga barang juga telah selesai disiasat dan dikenakan kompaun di bawah akta yang sama," katanya dalam satu kenyataan di

sini pada Selasa.

Fat Full berkata, pihaknya bersama agensi berkaitan sentiasa peka berhubung isu kenaikan harga barangan terbabit yang menyaksikan pelbagai langkah kawalan telah dibuat dari semasa ke semasa.

Katanya, usaha itu turut dibuktikan apabila sebanyak 6,854 premis telah selesai diperiksa hanya dalam tempoh ketika peralihan fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada Oktober lalu.

"Jumlah ini juga turut meliputi pemeriksaan ke atas 5,257 peruncit, 1,120 pemborong dan 477 pengilang di seluruh daerah di negeri ini.

"Pemeriksaan dibuat dengan memeriksa maklumat harga dan kos barangan di peringkat pembekalan barang melibatkan peruncit (pasar basah, pasar awam dan pasar raya) dan pembekal (peladang, pengeluar dan pengimport agar tidak menaikkan harga sesuka hati," katanya.



Fat Full (kiri) bersama anggota KPDNHEP Negara ketika melakukan pemeriksaan di salah satu premis dalam Bandaraya Johor Bahru baru-baru ini.